

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 18 April 2016 12:48
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DATO' ZULKIFLI M. OSMAN GAYAKAN SONGKOK LOGO UUM



18 APRIL 2016 / 10 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DATO' ZULKEFLE M. OSMAN GAYAKAN SONGKOK LOGO UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Bapanya,M.Osman merupakan seorang penyanyi 1960-an yang masyhur manakala ibunya Afida Es, merupakan seorang penyanyi dan pelakon tanahair.

Kemunculan Pengarah Filem Malaysia yang juga Timbalan Presiden, Malaysia Heritage Tourism Association (MHTA), Dato' Zulkeflie M. Osman di Welcome Centre sempat dirakamkan detik-detik bersejarah beliau semasa lawatan dengan pelbagai aksi dan maklumbalas.

Beliau yang berkecimpung dalam dunia perfileman sejak berusia 18 tahun telah berjaya mengarahkan 13 buah filem antaranya, Mira Edora, Suci dalam Debu, Kekasih Awal dan Akhir dan sebagainya. Malah setiap bulan drama arahan beliau ditonton oleh peminat setia di kaca televisyen.

Oleh itu, lawatan Pengarah filem tanahair ke UUM hasil kerjasama Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi (SMMTC) juga mendapat sentuhan dan pandangan seni beliau.

Menurutnya,“Informasi tentang UUM ringkas, padat dan berkesan”.

“Maklumat terbaik tentang pokok Sintok dan replikanya”.

Begitulah kata beliau yang menghayati keunikan sejarah dan warisan UUM dari perspektif pelancongan. Turut mengiringi beliau, pensyarah SMMTC, Azahar Kasim.

Dalam pada itu, *Gift Shop Welcome Centre* turut menarik perhatian beliau apabila melihat songkok yang mempunyai logo UUM. Tanpa membuang waktu, terus dipakai dan dibeli oleh beliau.

Ujarnya, “Semoga UUM yang gemilang, bertambah gemilang”,

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

